

LAPORAN KURSUS

Tarikh Mula/Tarikh Akhir: 04 November hingga 29 November 2019
Tajuk Program/Aktiviti: Kursus IALA Level 1 - AtoN Manager
Tempat : Marine Navigation Training Institute, Kolkata, India
Anjuran : International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA)

Ringkasan Program/Aktiviti:

Kursus tersebut telah diadakan selama 4 minggu di National Institute of Directorate General of Lighthouses and Lightships (DGLL) yang terletak di Kolkata, West Bengal, India dibawah anjuran IALA. Kursus diadakan bertujuan perkongsian idea-idea dan membolehkan peserta-peserta mendapatkan pengiktirafan antarabangsa Sijil Aids to Navigation Level-1 AtoN Manager.

Peserta-peserta kursus seramai 18 orang yang mewakili negara Malaysia, India, Georgia, Bangladesh, Myanmar, Sri Lanka, Yaman dan Somalia. Semua peserta disediakan penginapan di institut tersebut yang juga mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang baik seperti bilik kuliah, bilik simulator, dewan makan, gim, padang bola dan lain-lain. Pegawai dan kakitangan yang bertugas di institut berkenaan sangat peramah dan sentiasa memberi perkhidmatan yang sangat baik serta bantuan bila diperlukan.

Modul-modul Kursus merangkumi (kuliah dan amali) :-

1. Module 1: International Organisation and Law of the Sea
2. Module 2A: Nautical Knowledge (General)
3. Module 2B: Position, Navigation, Timing and Meteorology
4. Module 3A: AtoN Provision; Design and Management
5. Module 3B: Maintenance, Structures and Materials; Contract; Environment
6. Module 3C: Historic Lighthouses and Human Resources
7. Module 4A: Technical Functions – Visual AtoN
8. Module 4B: Technical Functions – Radio AtoN and AIS
9. Module 4C: Technical Functions – VTS and Routing
10. Module 4D: Technical Functions – Sound Signals; Communication; e-Navigation; Tide Gauges; Remote Monitoring
11. Module 5: Power Supply

Kursus disampaikan oleh penceramah-penceramah yang sangat luas pengetahuan dan berkemahiran tinggi terdiri daripada Mr. Omar Frits Eriksson (Dean, IALA Deputy Secretary-General) , Mr. Kevin Gregory (Education and Development Manager IALA WWA) dan beberapa penceramah dari dalam dan luar institut tersebut.

Peserta kursus diwajibkan menduduki dan melepasi 3 Ujian yang telah diadakan secara individu dan persembahan (presentation) secara berkumpulan.

Maklumat lain

Peserta kursus juga dibawa melawat tempat-tempat bersejarah di sekitar bandaraya Kolkata khususnya pada hujung minggu. Penglibatan dalam aktiviti riadah (yoga), sukan seperti badminton, bola sepak, kriket dan sukan indoor adalah sangat digalakkan bagi mengekalkan kesihatan dan kecergasan disamping mengeratkan lagi hubungan sesama peserta dan kakitangan institut.

Gambar



Sesi bergambar peserta-peserta kursus Bersama tetamu kehormat dan pihak pentadbiran Directorate General of Lighthouses and Lightships, Kolkata.



Sesi Kuliah



Sesi Latihan Amali (Chart Work)



Sesi Yoga pada waktu pagi



Pertandingan bolasepak di antara peserta kursus dan pihak institut



Pertandingan badminton di antara peserta kursus dan pihak institute



Sesi lawatan ke Victoria Memorial, Kolkata

Laporan disediakan oleh:

MARZUKI BIN SALLEH

Penolong Pegawai Laut A40

Jabatan Laut Wilayah Utara

Tarikh: 02.01.2020